

# Lembaga Pengarah UMS adakan perbincangan dengan Rozman

UB 3-10-2017 A2

LABUAN: Ahli Lembaga Pengarah Universiti (LPU), Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan Pengurusan UMS telah mengadakan perbincangan dan lawatan kerja ke atas Ahli Parlimen Labuan merangkap Pengerusi Perbadanan Labuan Datuk Rozman Isli pada Isnin.

Delegasi UMS itu diketuai Ahli LPU Datuk Dr Haji Yusof Haji Yacob bersama Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) Profesor Dr Shahril Yusof.

Turut hadir, Pengarah UMS Kampus Antarabangsa Labuan Prof Madya Dr Murnizam Haji Halik, Timbalan Pendaftar Kanan UMS Labuan Zamri Haji Mohamad Tuah dan Pengarah Jabatan Perancangan dan Kawalan Bangunan Perbadanan Labuan Ibrahim Tambi.

Perbincangan itu berkaitan pembangunan di UMS



**ROZMAN (tiga kiri) menerima cenderamata daripada Yusof sambil diperhatikan Shahril (empat kanan) dan Murnizam (tiga kanan).**

Labuan selaras dengan hasrat kerajaan menjadikan Wilayah Persekutuan Labuan sebagai hab pendidikan yang unggul

di rantau ini.

Pada masa sama, UMS melihat UMS Labuan berupaya membantu merencanakan

ekonomi dan industri pelancongan tempatan dengan kehadiran pelajar antarabangsa di samping pelajar tempatan.